



## KENYATAAN MEDIA

UKK/600-01/05 (69)

### **MAJLIS PENYERAHAN KUNCI BANGUNAN DEWAN BANDARAN IPOH DAN PEJABAT POS LAMA**

Balai Seni Negara menyambut baik hasrat kerajaan negeri Perak dalam meningkatkan tarikan pelancong ke bandar raya Ipoh selain memperkasa seni visual kontemporari menerusi penubuhan cawangan baharu Balai Seni Negara di bangunan Pejabat Pos Lama Ipoh. Bangunan yang ikonik dan bersejarah ini telah diserahkan kepada Balai Seni Negara hari ini dalam satu majlis rasmi yang berlangsung di bangunan berkenaan.

Acara dimulakan dengan penyerahan kunci Dewan Bandaran Ipoh oleh YBrs. Encik Fauzan Ismail, Ketua Wilayah Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Perak dan Pulau Pinang kepada YBhg. Dato' Rumaizi bin Baharin @ Md Daud, Datuk Bandar Ipoh. Acara kemudian diteruskan dengan penyerahan kunci Pejabat Pos Lama Ipoh oleh YBhg. Dato' Rumaizi bin Baharin @ Md Daud kepada YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara. Penyerahan disaksikan oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak.

Menyingkap sejarah bangunan ini, ia dibina pada tahun 1913 sehingga 1916, hasil rekaan arkitek British iaitu A.B. Hubback. Ia telah digunakan sejak sebelum kemerdekaan termasuk oleh Pesuruhjaya British pada ketika itu. Projek ini dibiayai dan dilaksanakan oleh pihak NCIA bermula pada 22 November 2022 dan siap sepenuhnya pada 20 Mei 2024.

Penubuhan Balai Seni Negara Cawangan Ipoh di bangunan Pejabat Pos Lama Ipoh ini bukan sahaja mampu untuk memelihara warisan, seni dan budaya, malah ia sekaligus dapat memberi pengalaman yang baharu kepada pengunjung dan pelancong. Terdahulu, Balai Seni Negara telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Majlis Bandaraya Ipoh sebagai komitmen bersama untuk membangunkan pelbagai aktiviti kesenian di bandar ini.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA  
24 JUN 2024**